

**UCAPAN YAB. DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK,  
PERDANA MENTERI MALAYSIA  
DI MAJLIS PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KEEMPAT BELAS  
(MAPPA XIV)**

Bismillahirrahmaanirrahiim,

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh, salam sejahtera dan salam satu Malaysia.

YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri,

YB Menteri-menteri, dan

YAB Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri,

YB Timbalan-timbalan Menteri,

YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara,

YBhg. Tan Sri Zabidi, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Tan Sri-Tan Sri, Datuk-datuk,

Tuan-tuan dan puan-puan para penjawat awam yang saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah hirabbilalamin wabihii nasta'in, selawat dan salam diucapkan kepada Rasul junjungan tercinta Nabi Muhammad SAW yang menjadi ikutan dan suri tauladan sepanjang zaman. Seterusnya marilah sama-sama kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT atas limpah nikmat dan kurnia-Nya yang tidak terhingga kepada negara Malaysia kita yang tercinta. Pada pagi yang permai ini dengan izin dan kehendak-Nya jua, telah memungkinkan saya bertemu dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam atau MAPPA buat kali ke 14 ini.

Sesungguhnya majlis ini, pertemuan ini, dengan para penjawat awam yang mewakili pelbagai sektor, kementerian, agensi kerajaan, merupakan suatu perjumpaan yang sungguh bermakna. Kerana melalui pertemuan sebeginilah kita dapat melahirkan penghargaan, kita dapat mengukuhkan kerjasama, saling bantu membantu berteraskan pada nilai hormat menghormati serta hidup saling bermuafakat antara satu dengan lain. Terlebih penting ialah perjumpaan sebegini membolehkan Kerajaan menampilkan gagasan, memperlihatkan hasrat kita serta melahirkan harapan-harapan Kerajaan yang mewakili rakyat dapat dikongsi bersama-sama dengan semua penjawat-penjawat awam. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, juga kepada Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, serta semua penjawat-penjawat awam yang telah mengatur ruang bagi saya menyampaikan pandangan hala tuju kepada semua anggota penjawat awam.

Selanjutnya majlis seperti ini, kita boleh menghargai beberapa pencapaian, pencapaian yang cemerlang, pencapaian yang signifikan. Beberapa contoh boleh disebutkan, mungkin ia tidak bersifat komprehensif dan menyeluruh. Antaranya saya difahamkan, Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) yang telah dibangunkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Polis Diraja Malaysia memantau pelaksanaan program bandar selamat dalam usaha mengurangkan jenayah, telah berjaya menerima anugerah kecemerlangan *Geospatial World Forum* dalam Aplikasi Teknologi Geospatial di Geneva Switzerland pada 8 Mei tahun lepas, tahniah saya ucapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebenarnya penjawat awam telah memainkan peranan utama membantu Kerajaan mendokong amanah dan menterjemahkan amanah tersebut dalam bentuk perencanaan dan perancangan yang jitu dan pelaksanaan yang berkesan supaya dasar-dasar pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan rapi serta efektif. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengajak kita semua mengimbau kembali apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh Kerajaan dalam konteks penambahbaikan kebajikan dan kesejahteraan para anggota penjawat awam kita.

Sebenarnya banyak, malah puluhan penambahbaikan yang telah kita lakukan, tetapi memadai untuk saya sebut di sini beberapa langkah yang telah kita lakukan. Antaranya, menaikkan gaji penjawat awam sebanyak 7 peratus hingga 13 peratus pada tahun 2012. Kedua, menaikkan pencen minimum daripada RM720 kepada RM820 bagi mereka yang berkhidmat selama 25 tahun atau lebih pada 1 Januari 2012. Ketiga, mensetarakan pangkat-pangkat dalam perkhidmatan ATM dan PDRM dengan gred jawatan perkhidmatan awam selaras perubahan lapisan-lapisan gred jawatan atau gred gaji pada 1 Januari 2013. Keempat, menambahbaik skim-skim perkhidmatan yang berkuatkuasa dari segi memantapkan fungsi perkhidmatan dan laluan kerjaya serta mobiliti pegawai yang melibatkan penambahbaikan 81 skim perkhidmatan pada tahun 2013. Kelima, melancarkan Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia dengan sasaran pembinaan rumah mampu milik sebanyak 100 ribu unit di seluruh negara menjelang 2018 dan menyediakan peruntukan pinjaman perumahan sehingga RM6 bilion setahun untuk kakitangan Kerajaan pada tahun 2013.

Semuanya ini membuktikan keprihatinan untuk terus menjaga kebajikan penjawat-penjawat awam dalam lingkungan kemampuan kewangan negara dengan tujuan supaya bukan sahaja kebajikan penjawat awam dijaga dan dipelihara, tetapi kita ingin merangsangkan penjawat-penjawat awam kita di semua peringkat untuk terus melakukan yang terbaik untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Namun demikian, setiap kali saya turun padang, setiap kali saya buat pertemuan, memang saya tidak sunyi daripada menerima pandangan-pandangan, cadangan-cadangan, kadangkala memorandum-memorandum yang saya terima di semua peringkat melalui kesatuan-kesatuan sekerja seperti CUEPACS, NUTP, PPTD dan sebagainya, berhubung dengan kebajikan berkait rapat dengan soal kenaikan kos sara hidup dan isu-isu tertentu yang mereka rasakan perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan.

Dalam hal ini, yang berkait rapat dengan salah satu teras dasar kerajaan yang saya telah sebutkan waktu saya bentangkan RMK11 baru-baru ini, ialah dalam konteks kita memberi perhatian kita kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Soal pertumbuhan sahaja tidak memadai, disamping pertumbuhan, yang perlu kita beri perhatian ialah soal pengagihan kekayaan Negara, soal *growth with equity*

khususnya kumpulan B40 yakni mereka yang berpendapatan 40 terendah dalam Negara kita, hendaklah diberi perhatian yang khusus oleh pihak kerajaan.

Oleh itu, dalam majlis pada pagi ini, sebagai kerajaan yang sentiasa prihatin menjaga kebajikan penjawat awam, sukacita saya mengumumkan kadar baru terendah Imbuan Tetap Perumahan, belum habis ayat dah tepuk, belum tahu apa yang saya nak umum lagi...kadar baru terendah Imbuan Tetap Perumahan adalah sebanyak RM300 sebulan. Ini bererti bahawa, mereka yang menerima Imbuan Tetap Perumahan yang terendah pada masa ini ialah RM180 sebulan, *the lowest* atau terendah, melonjak kepada RM300 dan kita akan buat *adjustment* sampai ke peringkat gred 41. Bagi mereka yang mendiami kuarters pula, kebanyakan daripada kita duduk kuarters yang selama ini tidak menikmati imbuan tetap tersebut, pada kali ini mereka juga mendapat faedah sebanyak 25% daripada kadar Imbuan Tetap Perumahan sebenar yang layak bagi mereka. Keputusan ini melibatkan lebih 1.1 juta penjawat awam di seluruh Negara, manakala implikasi kewangannya pula ialah sebanyak RM1.04 bilion setahun. Ia berkuatkuasa mulai 1 November 2015, lebih awal daripada tahun hadapan. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, itu pengumuman pertama, tak tahu ada kedua atau ketiga.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Tema kita pada hari ini, kita pilih tema Mendepani Realiti Baharu Negara, *the new realities*, dan kita memberi penekanan kepada pertumbuhan melalui produktiviti dan inovasi, menuju kepada masa depan negara. Definisi produktiviti itu apa? Yang pertama, kita boleh mendefinisikan produktiviti sebagai pencapaian ataupun hasil kerja yang sama tetapi dengan kos yang lebih rendah. Maksudnya, *same output but with lower cost, that's one definition*. Definisi yang kedua ialah hasil kerja bertambah dengan kosnya sama, *increase output with the same cost*, itu definisi yang kedua. Definisi yang ketiga, hasil bertambah dan kos berkurangan. Itulah tiga definisi produktiviti. Inovasi pula bererti kita melakukan penambahbaikan dari segi proses dan produk untuk menghasilkan output ataupun *revenue* tambahan. Dalam konteks perkhidmatan awam, bukan semua jabatan mengutip hasil. Jadi, definisi itu mestilah diubahsuai dari segi kepuasan kepada rakyat, yakni kepuasan rakyat ataupun *target group satisfaction* yang merupakan kumpulan sasar yang menjadi sasaran kepada bidang tugas kita. Inilah dia makna inovasi. Kita lakukan penambahbaikan, *the process to be creative, innovative* - hasilnya ialah *level of public happiness* ataupun *public*

*satisfaction* yang dapat kita lonjakkan ataupun sekurang-kurangnya kita tingkatkan. Kalau kita lihat dalam konteks keseluruhannya, *traditional sources of growth* iaitu tanah, *labour* dan *capital* sudah sampai ke peringkat maksima ataupun kekangannya.

Saya malam tadi baru balik dari Sarawak. Di Sarawak pun sudah sampai ke peringkat di mana Ketua Menteri Sarawak beritahu saya, saya tidak ada tanah nak beri kepada sektor swasta sekarang, lebih kurang begitulah, sebab saya nak utamakan kepada rakyat. Maknanya, kalau negeri yang terbesar di Malaysia pun dah tidak ada tanah lagi untuk dibangunkan secara komersial besar-besaran kecuali *industrial estate* dan sebagainya, sudah tentu, *land* sebagai satu input kepada penjana kekayaan Negara tentu ada hadnya, dan kita sudah hampir sampai ke maksimanya.

Yang kedua, kalau kita sebut tentang *labour*, tenaga buruh, macam mana kita hendak sampai ke status *high income nation*. Kalau *high income nation*, definisinya, pendapatan kita pun mesti *high income*. Tapi kalau kita terus bergantung kepada pekerja asing yang menyebabkan *level of wages* kita terlalu rendah, apa berlaku? Tidak ada insentif lagi bagi kita selain meningkatkan kedudukan kita dari segi *technological value chain*, melakukan inovasi, melatih pekerja-pekerja kita, supaya kita dapat menguasai kemahiran yang lebih tinggi. Semuanya ini akan membolehkan kita membayar upah dan gaji yang lebih tinggi. Sebab itulah, kita lihat semula, *low income is not the right model*, tetapi *high income and high productivity is the right model for Malaysia*. Justeru, kita mesti tekankan produktiviti dan inovasi.

Kalau kita hendak bergantung kepada sumber hasil Negara sedia ada, minyak dan gas seperti yang disebut-sebut, *it is a finite resources* dan ada hadnya. Satu hari ia akan pupus. Kalau tidak pupus pun, ia akan berkurangan. Kalau kita tidak buat persediaan pada hari ini, kita tidak dapat menambahkan daya saing kita dan kita akan mengalami tekanan satu hari nanti. Tekanan di mana kita terpaksa berdepan dengan realiti baharu bahawa apa yang kita telah bergantung selama ini adalah pergantungan yang tidak boleh lagi kita harap sebagai sumber kekayaan negara. Sebab itulah kita perlu mencari *new sources of growth*. *New sources of growth* ini bukan sahaja dalam konteks sektor swasta dan peranannya, tetapi kita hendak sektor awam juga menekankan peningkatan produktiviti dan inovasi.

Saya dalam hal ini, ingin menyarankan supaya *measurement productivity* ini dibuat untuk perkhidmatan awam secara objektif dan menyeluruh. Saya ingin mencadangkan supaya JPA dan Perbadanan Produktiviti Malaysia ataupun MPC membuat satu kajian produktiviti yang menyeluruh berdasarkan kepada metodologi yang tepat dan objektif, serta membuat penilaian produktiviti perkhidmatan awam untuk mengetahui *where do we stand* dari segi produktiviti. Kalau kita tahu produktiviti kita hari ini, kita akan lebih faham apa yang boleh kita lakukan pada masa depan. Kita tidak sebut secara umum dan rambang sahaja, tetapi kita tahu secara spesifik. Hari ini, produktiviti kita sekian banyak, hari esok, tahun depan, apa yang boleh kita lakukan untuk mencapai produktiviti yang lebih tinggi, mestilah ada *yardstick* ataupun *measurement* yang objektif.

Sehubungan dengan ini, saya tahu bahawa amalan kita selama ini, setiap tahun kita tengok bajet. Ini *traditional approach* kita, kita tengok bajet yang diluluskan, kementerian mana yang menghabiskan bajet sepenuhnya, bagus kita kata. Maksudnya, kriterianya, habiskan peruntukan. *You finish your allocation, then you are considered a good performing ministry*. Tetapi apakah *absolute criteria*? Kenapa kita tidak *challenge ourselves*? Kita boleh mencapai objektif dan KPI kita, tetapi kita boleh mengurangkan perbelanjaan juga. *We have never challenged ourselves*, sebab apa? Sebab kalau kita jimatkan perbelanjaan, *the balance* masuk balik *consolidated fund*, *Treasury* dapat balik. Bila *Treasury* dapat balik, *operating ministry* kata tidak berbaloi. Aku kerja kuat-kuat, jimat duit, balik *consolidated fund*, tidak nampak pun penjimatan dan tidak dapat merasai penjimatan tersebut. Oleh itu, dalam MAPPA pada kali ini, saya ingin mencadangkan satu kaedah baru. Kalau mana-mana kementerian atau jabatan boleh menjimatkan perbelanjaan, sebahagian daripada penjimatan itu akan kita pulangkan balik kepada jabatan atau kementerian berkenaan. Apa kaedahnya? Saya minta KSN dengan JPA berbincang dengan KSU, Ketua-ketua Pengarah dan penjawat-penjawat awam termasuk juga CEUPACS berbincang dan melihat macam mana dan apa kaedahnya. Katakanlah tahun ini, Kementerian Pendidikan telah menjimatkan RM1 billion, bolehkah kita pulangkan balik RM1 billion atau sebahagian daripada RM1 billion? Apa kaedahnya? Atau kita hendak hadkan kepada OE atau DE? Hah! inilah persoalan-persoalan yang saya tidak ada jawapan lagi. Saya tidak berani untuk memberi satu formula melainkan kita telah membuat percambahan fikiran, *workshop*, ataupun *lab* secara intensif dan mencari satu formula yang terbaik. Tetapi secara prinsipnya kita mesti memberi insentif kepada kementerian atau jabatan kerana mereka sudah lebih

*efficient* dalam menjalankan tugas dan kerja mereka. Mereka telah menjimatkan peruntukan kerajaan, *they should be rewarded* dan diberi penghargaan. Ini bukan hanya disebut, tetapi diterjemahkan supaya mereka boleh melaksanakan program-program di tahun hadapan yang mereka fikir patut laksanakan. Ataupun, kita hendak memberi insentif kepada pegawai-pegawai. Saya terbuka dalam hal ini sebab selama ini kita ada macam-macam insentif seperti menegak dan melintang, meniarap saja belum lagi. Tapi, semuanya tidak boleh dan nampak tidak ke mana juga disebabkan *too much subjectivity*. *There is a big bureaucracy*. Terdapat 1.6 juta penjawat awam, macam mana hendak buat penilaian secara objektif? Ini menjadi kesukaran dalam mana-mana birokrasi tetapi saya terbuka jikalau ada cadangan lain atau kaedah lain untuk kita *reward* pegawai atau penjawat awam yang bekerja bersungguh-sungguh. Juga, macam mana kita hendak *incentivize high performance* atau *the culture of high performance*? Tetapi, kita mesti buat secara objektif dan ini menjadi masalah kerana terlalu banyak unsur *subjectivity*. Dalam apa jua sistem, kaedah yang kita terima pakai selama ini tidak mencapai objektifnya yang sebenar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya ada menyebut dalam bajet 2015 mengenai keseimbangan antara *capital economy* dan *people economy*. Saya ingin perkhidmatan awam kita berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dan *efficient* kepada rakyat dan saya telahpun melihat beberapa kejayaan. Umpamanya di Jabatan Imigresen, tempoh pemprosesan pengeluaran passport baharu kini hanya mengambil masa 1 jam berbanding dengan 3 bulan sebelum ini. Apabila saya turun merasmikan UTC, saya telah bertanya kepada orang ramai untuk mengesahkannya. Ini bukan laporan yang dihantar kepada saya sahaja tetapi saya telah *check* dan memang benar, 1 jam boleh dapat passport baharu. Ini satu pencapaian yang baik, sangat baik. Kedua, 1Malaysia One Call Centre atau 1MOCC beroperasi 24 jam adalah juga satu kejayaan yang boleh kita banggakan. Ketiga, Pusat Latihan 1Malaysia yang melibatkan 346 institut latihan awam telah berkongsi segala fasiliti yang ada dan tidaklah dimiliki oleh satu jabatan, tetapi memberi ruang perkongsian dengan jabatan-jabatan yang lain. Pusat Transformasi Bandar, UTC dan RTC juga telah berjaya. Kebetulan saya baru balik dari Sarawak dan saya hendak sebut di sini bahawa sebenarnya telah banyak juga kita berikan kepada rakyat yang merupakan antara perkhidmatan yang terbaik di dunia, tapi kosnya sangat rendah.

Pusat Jantung, Hospital Umum Sarawak contohnya, mengenakan hanya RM5 sahaja bagi mendapatkan rawatan jantung. Manakala, bayaran RM3 dikenakan untuk satu malam bagi pesakit yang dimasukkan ke wad. Tiga ringgit... *not even one US Dollar*. Bagi pembedahan *open heart* termasuk *by-pass*, caj dikenakan sebanyak RM500. Kalau hospital swasta, berpuluh-puluh ribu, enam puluh ribu, lapan puluh ribu ringgit. Hospital kerajaan... lima ratus ringgit. Dan kita telah lihat lebih 20 ribu pesakit luar dan dua ribu pesakit wad mendapat rawatan. Saya boleh memberi contoh yang lain. Di Hospital Putrajaya pun kadar cajnya begitu rendah sekali. Ini semua adalah sumbangan kerajaan kepada rakyat dan juga kepada penjawat-penjawat awam. Inilah rencah kisah yang mesti kita paparkan pada rakyat supaya rakyat akan menilai kebaikannya. Jangan kita memomokkan GST...GST...GST.

Hasil Negara kita pulangkan balik kepada rakyat. Oleh itu tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya minta kita terus melakukan dengan bersungguh-sungguh. Kebetulan tahun lepas kita telah ditimpa dengan musibah banjir dan kini pula dengan gempa bumi yang mana *after shocknya* tidak berkesudahan sampai ke hari ini. Saya hendak sebut di sini bahawa ramai penjawat-penjawat awam telah membuat kerja-kerja menyelamatkan, pemulihan dan menyabung nyawa dalam malapetaka dan musibah seperti ini. Saya hendak sebut, angkatan tentera, polis, bomba, penjawat awam di hospital, doktor, RELA dan ramai lagi adalah *the unsung heroes*. Dalam MAPPa ini, eloklah saya menghargai mereka. Ianya bukan senang. Saya selalu naik helikopter, hendak mendaratkan helikopter di paras sepuluh ribu kaki dengan angin melintang, dengan cuaca berkabus, memang menyabung nyawa. Inilah penjawat-penjawat awam yang telah sanggup melakukan kerja-kerja yang patut kita hargai. Bukan sahaja malim gunung tetapi mereka inilah *unsung heroes* di belakang tabir yang juga patut kita beri penghargaan.

Saya hendak sebut di sini beberapa perkara. Pertama, saya minta kita jangan buat *business as usual*. Kita mesti melakukan perubahan minda dan melihat kepada cara-cara yang lebih baik yang boleh kita lakukan. Saya juga tidak mahu kita bergerak dalam silo atau lohong masing-masing. Kita hendaklah membuat kerjasama *across ministries*. *We have to transcend boundary*, kita tidak hendak *boundary management*. *This is my turf, that is your turf. You don't come into my turf. You come to my turf, I will shout at you*. Ini kita tidak mahu. Kalau boleh, kita adakan kerjasama *across the board*, jadi kerajaan kita lebih berkesan.



*Multitasking* juga bagus, tetapi bukan semua yang bersetuju, tetapi kita mesti cuba. KSN cuba buat supaya pemandu-pemandu kita melaksanakan *multitasking*, tetapi mereka tidak berapa bersetuju. Pemandu kita hantar kita pagi, lepas itu apa yang dia buat sampai kita balik? Dia berceloteh, dia bercerita pasal bos, dan apa lagi? Dia ada *gap* lapan jam, enam jam dan tidak ada kerja lain. Kita cuba pujuk mereka untuk buat *multitasking*... mungkin CUEPACS boleh bantu dalam hal ini. Bila buat *multitasking*, kita boleh bagi insentif dan dia boleh mendapat pendapatan yang lebih. Inilah inovasi-inovasi yang patut kita fikirkan. Saya hendak sebut di sini, saya tidak mahu sebut RMK 11 secara *detail* kerana kita semua sudah tahu apa terasnya. Tadi dalam video sudah ditunjukkan. Saya hendak sebut di sini satu sahaja. Saya hendak supaya mulai 1 Januari *we are ready to take off*. Saya tidak mahu, masuk tahun depan, tunggu bulan Julai baru hendak laksanakannya. Kita kena buat persediaan lebih awal lagi, supaya *come first January*, RMK 11 berada di dalam keadaan boleh dilancarkan sepenuhnya. Sebab, ini adalah pusingan terakhir, lonjakan terakhir sebelum kita sampai ke ambang Negara maju. Jadi, kita mesti membuat persediaan *execution system* dan *plan of execution* dengan lebih berkesan lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Itulah beberapa prinsip yang saya hendak sebutkan di sini, mendasari segala impian kita. Kita sudah mengangkat sumpah kesetiaan, solidariti, amanah dan sebagainya. Satu saya hendak sebut, tolong jaga rahsia kerajaan. Sehari dua ini nampak kebocoran berlaku. Tolong jaga rahsia kerajaan. Sebab, mana-mana kerajaan pun, mesti menjaga rahsia kerajaan. Kalau kita belum bersedia membuat pengumuman, jangan bocorkan. Sebab kalau bocor, boleh jadi keputusan itu berlainan nanti. Ini belum apa-apa lagi, tol sudah dikatakan akan naik... bocor dah! Sepatutnya kita ada kaedah tertentu dan inilah yang saya harap sangat. *Please* ya, penjawat awam, tolong! Ini adalah kepentingan Negara dan kita sudahpun mengangkat sumpah. Jangan main-main dengan sumpah kita itu. Sebab ini adalah untuk kebaikan Negara kita.

Saya ingin mengatakan bahawa kita hendak menjadikan Malaysia *the great nation... beyond 2020 Malaysia must be a great nation*. Jelasnya, tiada jalan singkat untuk sampai ke destinasi. Perjalanannya pula melibatkan langkah demi langkah yang sememangnya jauh dan memeritkan. Ketahuilah bahawa setiap kepahitan itu, jika kita bersabar sebenarnya terkandung seribu kemanisan dan bahagia yang menanti. Biar apapun cabaran datang menggunung, namun itu

bukan alasan untuk kita berputus asa dari terus melangkah gagah kehadapan. Bahkan, ia lebih mulia daripada kita bersurut pulang dan berpaling haluan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Hari ini hari terakhir bulan Syaaban 1436 Hijrah. Esoknya pula bagi umat Islam kita menyambut awal Ramadan, yakni bulan yang penuh kemuliaan dan keberkatan. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Ramadan Al-Mubarak. Bersempena itu, bagi membantu meringankan beban kewangan penjawat awam membuat persiapan menyambut Ramadan, membeli baju raya, sukacita saya umumkan bayaran bantuan khas kewangan sebanyak RM500 kepada penjawat awam gred 54 dan ke bawah. Bantuan khas ini juga akan turut dinikmati oleh lebih 700 ribu pesara kerajaan yang menerima pencen dengan menerima bantuan sebanyak RM250. Kedua-dua bayaran tersebut akan dibuat pada 25 Jun ini dan melibatkan anggaran implikasi kewangan sebanyak RM1 bilion.

Akhir kalam marilah kita sama-sama perbanyakkan doa, meningkatkan amal soleh dan kebajikan serta sentiasa mengislahkan diri agar segalanya akan pulih, dan yang baik-baik akan muncul jua seperti sediakala, InsyaAllah. Terima kasih, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.